

Purata gaji rakyat Malaysia naik kepada RM3,212 sebulan

Putrajaya: Purata gaji dan upah bulanan di Malaysia meningkat 5.8 peratus kepada RM3,212 berbanding RM3,037 pada 2021, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Sementara gaji penengah dan upah bulanan pekerja di negara ini berada pada RM2,424, meningkat 7.7 peratus daripada RM2,250 tahun lalu.

Keadaan ini juga menunjukkan separuh atau 50 peratus daripada pekerja warganegara sepenuh masa di negara ini menerima gaji dan upah di bawah RM2,424.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pada 2022, ekonomi global berdepan cabaran yang ketara, termasuk gangguan rantai bekalan, lonjakan harga komoditi, krisis tenaga, dan kadar inflasi yang tinggi sebelum menyederhana pada suku tahun keempat.

Beliau berkata, walaupun berdepan dengan krisis ini, Malaysia mencatatkan peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang memberangsangkan, dengan kenaikan 8.7 peratus, didorong prestasi kukuh dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, yang menyumbang sebanyak 82.4 peratus kepada KDNK.

Katanya, fasa peralihan ke endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa dan peningkatan dalam industri pelancongan mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam pasaran.

"Kerajaan sudah meningkatkan paras gaji minimum kepada RM1,500 bermula Mei 2022, yang mewartakan gaji bulanan sebanyak RM1,500 untuk pekerja di semua sektor, sebagai langkah yang dijangka akan meningkatkan paras gaji dan upah secara keseluruhan di negara ini ber-

banding tahun-tahun sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan Statistik Gaji & Upah, Makaian Statistik Gaji & Upah, Malaysia, 2022 yang diterbitkan DOSM, semalam.

Statistik ini disusun berdasarkan Survei Gaji & Upah yang dijalankan oleh DOSM menggunakan pendekatan isi rumah bagi mengukur gaji dan upah bulanan yang diterima oleh pekerja sepehnu masa yang dibayar gaji dan upah dalam kalangan rakyat Malaysia adalah 9.95 juta.

taraf dalam kalangan warganegara Malaysia yang bekerja di sektor awam dan swasta berdasarkan pekerjaan utama mereka.

Daripada jumlah keseluruhan penduduk bekerja seramai 15.39 juta yang direkodkan pada tahun lalu, jumlah pekerja sepehnu masa yang dibayar gaji dan upah dalam kalangan rakyat Malaysia adalah 9.95 juta.

Mengulas lanjut mengenai situasi gaji dan upah mengikut strata, Mohd Uzir berkata, purata bulanan bagi kawasan bandar dan luar bandar merekodkan peningkatan kepada RM3,351 bagi kawasan bandar dan RM2,393 bagi kawasan luar bandar berbanding tahun 2021.

Secara spesifik, beliau berkata, purata gaji dan upah bulanan bagi kawasan bandar mencatatkan peningkatan 5.1 peratus, manakala luar bandar menunjukkan kenaikan yang lebih ketara secara relatif 10.5 peratus.

Mengikut negeri, purata gaji dan upah bulanan menunjukkan Putrajaya merekodkan purata tertinggi, iaitu pada RM4,666.

"Selain itu, empat negeri lain juga melebihi paras purata nasional pada RM3,212, iaitu Kuala Lumpur (RM4,207), Selangor (RM3,737), Labuan (RM3,418) dan Pulau Pinang (RM3,313)," katanya.

● Fasa peralihan ke endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa dan peningkatan dalam industri pelancongan mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam pasaran ●

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

